

PM terima anugerah doktor kehormat Universiti Meiji

BH - 8 JUN 2001

TOKYO, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menerima anugerah doktor kehormat dari Universiti Meiji atas sumbangan cemerlang beliau sebagai pemimpin dunia dari Asia Timur serta pengasas Dasar Pandang ke Timur.

Beliau menerima penghormatan itu daripada Presiden Universiti Meiji, Prof Yuichi Yamada dalam satu majlis sederhana yang dihadiri lebih 500 tokoh akademik Jepun serta pelajar, termasuk kira-kira 50 pelajar Malaysia di sini.

Perdana Menteri dalam ucapan terima kasih atas penganugerahan itu berkata, keputusannya untuk beralih tumpuan ke Jepun pada awal 1991 telah membuah hasil lumayan, terutama memaksa Malaysia memecut lebih pantas ke arah status negara maju.

Katanya, pelaksanaan dasar itu dilakukan berikutan beliau kagum dengan kejayaan pantas Jepun memulihkan diri mencapai status negara maju, sete-

lah hampir lumpuh selepas Perang Dunia Kedua.

"Ketika itu saya yakin rakyat Malaysia boleh belajar daripada pengalaman Jepun, dan akhirnya menjadi maju seperti negara ini.

"Justeru, segala langkah yang diambil kerajaan Malaysia, termasuk menghantar pelajar ke sini hanya untuk memastikan mereka boleh mengikut corak pemikiran rakyat negara ini yang cintakan kesempurnaan, sanggup berkerja keras, sabar dan memiliki disiplin yang tinggi untuk menghasilkan yang terbaik," katanya.

Dr Mahathir berkata, Dasar Pandang Ke Timur mencatat kejayaan cemerlang, sehingga rakyat Malaysia kini mempunyai motto tersendiri iaitu 'Malaysia Boleh', sebagai tanda mereka juga yakin mampu untuk menghasilkan yang terbaik.

"Kami dulu tidak pernah bermimpi untuk menjadi negara industri, apa lagi untuk menjadi negara pengeluar motokar. Tetapi

pada tahun 2000, syarikat pengeluar motokar kami sudahpun mula mengeluarkan produk sendiri," katanya.

Justeru, beliau berkata, walaupun Jepun kini mengalami kemelesetan ekonomi, namun akan terus belajar daripada pengalaman Jepun tetapi akan disesuaikan dengan situasi di Malaysia.

Beliau juga berharap, syarikat Jepun akan terus melabur di Malaysia kerana ketika ini beberapa syarikat utamanya, seperti Matsushita bukan saja membuat pelaburan bahkan mewujudkan kira-kira 30,000 peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia.

Dr Mahathir adalah penerima ke-18 anugerah Doktor Kehormat dari Universiti Meiji dan Perdana Menteri keempat selepas Takeo Miki (Jepun), Tomiichi Murayama (Jepun) dan Jean Chretien (Kanada). Beliau rakyat asing kelima menerima penghormatan berkenaan.

Universiti Meiji yang di-

asaskan pada 1881 kini mempunyai 34,000 pelajar dan ketika ini 14 pelajar Malaysia berada di sini, mengikut pelbagai program terutama dalam bidang sains dan teknologi.

Murayama yang juga bekas Perdana Menteri Jepun ketika berucap pada majlis itu berkata, rakyat Jepun juga patut belajar daripada Malaysia, terutama dari segi mengekalkan barisan pemimpinnya.

Katanya, Dr Mahathir telah menjadi Perdana Menteri Malaysia selama 20 tahun, tetapi dalam tempoh yang sama Jepun telah memiliki 12 Perdana Menteri.

"Kita patut mengubah cara pemikiran iaitu tidak boleh lagi terus bertindak membubarkan Diet apabila menghadapi masalah.

"Seluruh rakyat Jepun perlu peka terhadap apa yang berlaku di Parlimen, bukannya terus memikirkan bagaimana untuk membubarkannya sebaik saja barisan pemimpin baru dilantik," katanya.